

Hijau.fm

Mula Dikenali



Fikrah
Harakah
BIL 1919 - 10 - 13 RABULAKHIR 1435 / 10 - 13 FEBRUARI 2014

KUALA LUMPUR: Radio Hijau.fm mula ke udara secara percubaan untuk menyalurkan maklumat yang tepat dan pantas kepada ahli, penyokong, petugas parti dan pengundi bagi menghadapi PRU13 yang lalu.

Radio Hijau.fm telah diaktifkan semula siarannya bagi menghadapi Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Limau pada 4 November selepas siarannya ditamatkan dengan berakhirnya PRU13 pada 5 Mei tahun lalu.

Kehadiran Presiden PAS, Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang ke konti terbuka di Stadium Shah Alam untuk membuat *soft launch* radio Hijau.fm sempena Muktamar PAS ke-59 dan bersiaran pada 22hb November, 2013 memulakan satu lagi detik bersejarah kepada radio internet PAS ini.

Di samping itu, penyiaran yang kecil tidak membebaskan pendengar dengan penggunaan internet (download bandwidth quota) berbanding siaran televisyen internet atau Youtube.

Sekiranya pendengar mengikuti siaran Radio Hijau.fm ini selama 10 jam sehari, hanya 141 Megabyte (MB) data dimuat turun.

Penyiaran menggunakan fail audio boleh dibuat secara langsung (live) atau secara rakaman. Rakaman siaran menggunakan aplikasi percuma telefon bimbit pintar: Shoutcast Radio (iPhone & iPad), Winamp (Android) dan TuneIn



(iPhone, iPad & Android).

Bagi mendengarnya, perlu buat carian "Hijau.fm" di dalam aplikasi TuneIn (www.tunein.com) tersebut dan dan web. Hijau.fm (www.hijau.fm). Para pendengar boleh; buat Short Cut pada Android Home Screen - <http://www.hijau.fm/2013/10/panduan-hijau.fm-untuk-pengguna-android.html>

Atau buat Short Cut pada iPhone/iPad Home Screen - <http://www.hijau.fm/2013/10/panduan-hijau.fm-untuk-pengguna-iphone.html>

Menurut Ketua Eksekutif Radio Hijau.fm, Shuhaimi Embong, bagi

memantapkan siaran Hijau.fm pada masa depan, beberapa siri bengkel pengendalian radio internet dengan melibatkan personaliti terkenal penyambai radio dan juga penerbit sebagai fasilitator diadakan secara inhouse.

Radio Hijau.fm mengalu-alukan rangkaian pasukan webtv Jabatan IT PAS (JITP) untuk turut serta menjadi sukarelawan radio Hijau.fm membantu membangunkan radio internet yang baru bertatih ini.

Sebarang cadangan boleh emel kepada hijau_fm@pas.org.my, kata Shuhaimi yang juga Pengarah JITP.

Presiden PAS, Tuan Guru Abdul Hadi Awang membuat *soft launch* Radio Hijau.FM dan bersiaran di konti terbuka pada 22 Nov bersempena Muktamar PAS ke-59 di Shah Alam.



Dato' Seri Wan Jamal dan Dato' Julia merakamkan kenangan semasa melawat konti terbuka Hijau.FM di Shah Alam.



Pengarah Operasi Muktamar PAS Ke-59, Ir Izham Hashim dan Pengarah JITP, Shuhaimi Embong ketika diwawancara oleh Radio Hijau fm semasa muktamar berlangsung.



Para petugas Radio Hijau.FM di belakang tabir yang bertungkus-lumus menayakan kewujudannya.



Para pengunjung sempat bergambar di konti sementara Radio Hijau.FM di luar Stadium Malawati.



Sejarah Hijau.fm

Sejak sekian lama, PAS berhasrat untuk menubuhkan stesen radio mereka sendiri tetapi masih belum berjaya kerana tidak diberikan lesen untuk berbuat demikian oleh pihak kerajaan. Sebelum itu, ketika menjelang pilihan raya umum ke-13 pada tahun lepas, PAS juga berjaya menggerakkan radio internet, Hijau.FM oleh Jabatan IT PAS Pusat (JITP) dengan kerjasama Lajnah Penerangan dan Dakwah.

Sekarang lajnah tersebut berkembang menjadi dua lajnah yang berbeza, iaitu Lajnah Penerangan dan Lajnah Dakwah yang menjadi pembekal kandungan kepada Hijau.FM yang mula ke udara secara percubaan untuk menyalurkan maklumat yang tepat dan pantas kepada ahli, penyokong, petugas parti dan pengundi bagi menghadapi PRU ke-13.

Sempena Muktamar PAS ke-59 dan bersiaran pada 22 November, 2013 memulakan satu lagi detik bersejarah kepada Radio Internet PAS. Kehadiran Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Presiden PAS ke konti terbuka di Stadium Shah Alam untuk membuat soft launch radio Hijau.FM.

Bagi memantapkan siaran Hijau.FM pada masa depan, beberapa siri bengkel pengendalian radio internet dengan melibatkan personaliti terkenal penyampai radio dan tv termasuk juga penerbit radio terkenal sebagai fasilitator yang diadakan secara inhouse.

Bertemakan, Hijau..Hijau...Hijau Harapan Rakyat, Hijau.FM terus berkembang menggunakan kedua-dua teknik strategi radio menggunakan fail audio boleh dibuat secara langsung (live) atau secara rakaman.

Rakaman siaran menggunakan aplikasi percuma telefon bimbit pintar: Shoutcast Radio (iPhone & iPad), Winamp (Android) dan Tuneln (iPhone, iPad & Android). Penyiaran yang kecil tidak membebankan pendengar dengan penggunaan internet (download bandwidth quota) berbanding siaran television internet atau Youtube.



Tahukah Anda?

13 FEBRUARI HARI RADIO SEDUNIA



TANGGAL 13 Februari adalah Hari Radio Sedunia. Hari Radio Sedunia disambut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pentingnya radio, sekaligus memperingati lahirnya radio serta perkembangannya yang bertahan di tengah kepesatan perkembangan transformasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masa kini.

Sejak siaran pertama ke udara lebih dari 100 tahun yang lalu, radio telah terbukti menjadi sumber informasi yang kuat untuk memobilisasi perubahan sosial kehidupan masyarakat. Dalam era digital, radio terus menjadi relevan, karena orang ramai mendengar melalui komputer, radio satelit dan peranti mobile.

Idea awal berasal dari Akademi Radio Sepanyol (Spanish Academy of Radio) dan secara rasmi disampaikan oleh Delegasi Tetap Sepanyol ke UNESCO untuk Dewan Eksekutif sesi 187 pada bulan September 2011.

Pada tanggal 3 November 2011, 36 th General Conference, UNESCO mengakui "kekuatan transformasi radio" dengan mendirikan Hari Radio Sedunia. Hari yang dipilih adalah 13 Februari kerana merupakan hari lahirnya radio Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) iaitu pada tahun 1946.





UCAPAN DASAR Muktamar Tahunan PAS ke - 60 (2014) TERUS BERISTIQAMAH

ISTIQAMAH UNTUK MEMBAWA KEBAIKAN MENERUSI MEDIA BARU


64. Seperti yang ditegaskan dalam muktamar-muktamar sebelum ini, media parti seperti Harakah, Harakahdaily dan radio internet hijau.fm, mestilah berusaha membentuk fikrah dan menyampaikan maklumat berdasarkan acuan parti yang telah distrategikan bagi disampaikan kepada rakyat yang menjadi pengundi senyap dalam pilihan raya bagi megahadapi PRU ke-14 nanti. Kita juga jangan sekali-kali terpengaruh dengan pendekatan sensasi-songsang yang bertujuan melariskan jualan semata-mata tanpa memikirkan hukum-hakam dalam melaporkan sebarang berita.



UCAPAN DASAR Muktamar Tahunan PAS ke - 61 (2015) BERISTIQAMAH HINGGA KEMENANGAN

MENGUKUHKAN ORGANISASI PAS Pengurusan Maklumat

96. Seperti yang ditegaskan dalam muktamar sebelum ini, media parti seperti Harakah, Harakahdaily dan radio internet hijau.fm, mestilah tidak terlibat dengan fenomena-fenomena negatif dalam berkarya dan jangan sekali-kali terpengaruh dengan pendekatan sensasi-songsang yang bertujuan melariskan jualan semata-mata dengan menjejaskan kredibiliti sebagai sebuah media Islam. Sebaliknya hendaklah sentiasa berusaha membentuk fikrah dan menyampaikan maklumat berdasarkan acuan parti untuk memberi kefahaman sebenar kepada rakyat.



Carta Organisasi Hijau.fm



PENGARAH JITP/CEO
Mohd Suhaimi Bin Embong



KETUA OPERASI (TEKNIKA)
Haznizul Ahmad Shukery



KETUA PENERBIT (RANCANGAN)
Azahari Abdullah



SETIAUSAHA
Siti Nur Athirah Ibrahim



KETUA PEGAWAI KEWANGAN
Dato' Suhaili Yusop

SEKRETARIAT KHIDMAT SOKONGAN



KOMUNIKASI KORPORAT
Junnafiezah Bidin



KOMUNIKASI KORPORAT
Husna Hashim



TAJAAAN & IKLAN
Mohd Roslan Mohd Zin



TAJAAAN & IKLAN
Khairul Azli Mohamad



INFO & MEDIA BARU
Mohd Shahir Abu Hassan



INFO & MEDIA BARU
Mohd Naim Othman



INFO & MEDIA BARU
Muhammad Safwan Hashim



PENTADBIRAN & KREW
Muhammad Nur Rahiman



PENTADBIRAN & KREW
Nadhirah Azmi



IT & SISTEM TEKNIKAL
Azlina Ahmad



AUDIO & SIARAYA
Suhairil Izham Suroya

UNIT OPERASI SIARAN (RANCANGAN)



PENERBIT RADIO (Pahang)
Azahari BA



PENERBIT RADIO (Kelantan)
Mohd Zaki Mustafa



PENERBIT RADIO (Kelantan)
Samhani Ismail



PENERBIT RADIO (Selangor)
Khairul Bazli Hussin



PENERBIT RADIO (Perak)
Hambali Mohd Reshad



PENERBIT RADIO (Kedah)
Fitri Iqram Ibrahim



PENERBIT RADIO (Johor)
Muhd Abd Rahman



PENERBIT RADIO (Muslimat)
Kartini Ahmad



PENERBIT RADIO (Pemuda)
Khairul Yusri



Jom Dengari

HIJAU FM

1) Laman Web

www.hijau.fm

2) Aplikasi android

[Hijau.FM](https://play.google.com/store/apps/details?id=com.hijau.fm)

3) Aplikasi Android

[PAS Touch 'n Get](https://play.google.com/store/apps/details?id=com.hijau.fm)

4) Aplikasi Tune In

<http://tun.in/se8fb>